

# PM: CEGAH KEHETAKAN

## 'Perpaduan benteng pertahanan ummah'

**RAUB, Ahad** — Perdana Menteri hari ini mengesahkan ahli-ahli UMNO menggembeng tenaga orang-orang Melayu dan umat Islam di negara ini untuk mempertahankan umat Islam dari mengalami perpecahan sesama sendiri.

Bellau menegaskan, inilah beban yang amat besar diletakkan di bahu ahli-ahli UMNO sekarang.

Presiden UMNO itu dengan serius mengingatkan setiap ahli UMNO menjaga perpaduan mereka kerana ini merupakan benteng amat tinggi untuk mempertahankan umat Islam dari berpecah-belah seperti yang berlaku di Asia Barat sekarang. "Jangan pula penyakit seperti yang berlaku antara Iran-Iraq ditafsirkan sebagai nikmat oleh setengah golongan dan dibawa ke negara ini," tegasnya.

Oleh SHAHRUM SUBOH

ketika berucap di majlis merasmikan perwakilatan UMNO Bahagian Raub di sini pagi ini.

Di Malaysia katanya, sudah ada cakap-cakap dan usaha-usaha untuk memecah-belahkan perpaduan dan yang malang sekali, orang yang membawa perpecahan terdiri dari mereka yang memahami ajaran Islam terhadap perpaduan.

### Mati syahid

Katanya, mereka sanggup memutar-belikan firman Tuhan dan ada di antaranya menyatakan perpaduan tidak perlu di kalangan umat Islam.

Katanya, kalangan yang ada di negara kita bukannya nikmat dan kalangan inilah yang membawa perpecahan di kalangan umat Islam.

"Mereka ingin membawa perpecahan umat Islam di negara ini kerana mereka tidak puas hati dengan keadaan aman damai".

Katanya, mereka cuba memecah-belahkan kita dan usaha ini semakin hampir berjaya.


Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan tentang adanya fahaman kononnya seseorang itu akan mati syahid jika berperang di Lebanon.

Merujuk kepada laporan akhbar hari ini mengenai sembahyang sunat Aidilfitri di sebuah masjid di Terengganu sebanyak dua kali dengan dua imam, Datuk Seri Dr. Mahathir mengangap perbuatan itu satu usaha yang paling buruk sekali untuk memecah-belahkan umat Islam hingga ke dalam masjid.

Perdana Menteri menegaskan, penyakit itu perlu dibapukan segera kerana ia mungkin merebak ke negeri-negeri lain.

Katanya, ada sahaja orang-orang yang kerana politik, mereka menjadi tamak inginkan kuasa dan sanggup membawa ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam.

Katanya, perbuatan hendak memecah-belahkan hanya boleh diletak jika ahli-ahli UMNO memainkan peranan mempertahankan kedudukan Islam di negara ini.



No. Siri ..... 2911  
No. Penerimaan ..... 656/85

● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad** sedang merasmikan model cadangan tapak Universiti Islam Antarabangsa di Bukit Fraser pagi semalam. Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak (tengah), Timbalan Menteri Pelaburan, Datuk Dr. Tan Tiong Hong (di sebelah kiri PM) dan di kanan sekali ialah Pengurus Besar Perindustrian Kemajuan Bukit Fraser, Kuch Ledin Wak Kamarudin.